



Ruj. Tuan : -
Ruj. Kami : SFS/FC/900-5/1/2(47)
Tarikh : 11 Mei 2026

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK BIL. 5/2026

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Residen Bahagian
Semua Pegawai Tadbir Menguasa

PELAKSANAAN SISTEM DAN PAPAN PEMUKA (DASHBOARD) BAGI FINANCIAL PERFORMANCE EFFICIENCY AND COMPLIANCE INDEX (FinPEC)

1.0 TUJUAN

- 1.1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan Sistem dan Papan Pemuka (Dashboard) *Financial Performance Efficiency and Compliance Index* (FinPEC) di semua Kementerian, Jabatan dan Pejabat Residen sebagai mekanisme rasmi Kerajaan Sarawak bagi memantau, menilai dan melaporkan tahap pematuhan terhadap dasar, surat pekeling, garis panduan serta prosedur kewangan yang berkuat kuasa.
- 1.2. Surat Pekeliling ini turut menetapkan penggunaan *FinPEC Analytics Dashboard* sebagai platform rasmi bagi analisis, visualisasi dan pemantauan pematuhan kewangan di peringkat Kerajaan Negeri.
- 1.3. Pelaksanaan FinPEC adalah untuk memperkukuh penyelarasan proses penilaian, pemantauan dan pelaporan prestasi kewangan secara standard di seluruh Kementerian, Jabatan dan Pejabat Residen, selaras dengan usaha mempertingkatkan kawal selia serta pematuhan kewangan melalui pendekatan digital yang bersepadu, sistematik dan lebih berkesan di peringkat Kerajaan Negeri.

- 1.4. *FinPEC Analytics Dashboard* digunakan oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Unit Audit Dalam, Jabatan Premier Sarawak, Pegawai Pengawal dan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Perolehan (JPKP) sebagai platform utama dalam memantau prestasi serta menilai tahap pematuhan kewangan di peringkat agensi masing-masing.
- 1.5. Pelaksanaan Sistem *FinPEC* ini dijangka memperkukuhkan disiplin pengurusan kewangan, meningkatkan akauntabiliti serta memastikan tadbir urus kewangan Kerajaan Sarawak dilaksanakan secara berkesan, berintegriti dan berterusan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1. Pelaksanaan Sistem *FinPEC* merupakan usaha Kerajaan Sarawak untuk memperkukuh pemantauan pematuhan kewangan secara lebih sistematik, konsisten dan berasaskan data selaras dengan agenda pendigitalan Kerajaan Sarawak.
- 2.2. Sistem ini menggantikan kaedah manual dan menjadi rujukan bagi penilaian prestasi kewangan agensi kerajaan. Penilaian pematuhan kewangan melalui *FinPEC* merangkumi komponen utama pengurusan kewangan berikut:
 - i. **Pengurusan Akaun**

Meliputi pematuhan terhadap pengurusan dan kawalan kewangan berkaitan pemeriksaan mengejut dan pemeriksaan dalaman, pengemukaan penyata tahunan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah kepada Jabatan Audit Negara (JAN), pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a), tuntutan perjalanan pegawai awam, pembayaran bil dalam tempoh yang ditetapkan, pengesahan penyata akaun bulanan, pelaksanaan Mesyuarat JPKP serta pengemukaan laporan JPKP.
 - ii. **Pengurusan Belanjawan**

Meliputi pemantauan terhadap perbelanjaan peruntukan tahunan, peruntukan tambahan (jika berkenaan) serta prestasi kutipan hasil tahunan (jika berkenaan). Penilaian ini bertujuan memastikan peruntukan digunakan secara optimum, berhemat dan selaras dengan kelulusan serta perancangan yang ditetapkan, di samping memastikan pelaksanaan projek pembangunan dan pencapaian hasil dilaksanakan secara cekap, terkawal dan mampan.

iii. Pengurusan Aset

Meliputi pengurusan dan kawalan aset alih Kerajaan termasuk pendaftaran aset alih, pelaksanaan pemeriksaan tahunan aset, pelupusan aset alih, pengemukaan laporan tahunan pengurusan aset, pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) serta pengemukaan minit mesyuarat JKPAK.

iv. Pengurusan Perolehan

Meliputi pematuhan terhadap tatacara dan kawalan perolehan Kerajaan termasuk penyediaan perancangan perolehan, penurunan kuasa menandatangani kontrak, pengurusan pelantikan sebut harga dan tender, pengemukaan laporan penilaian tender kepada Lembaga Tender berkaitan, pengurusan bon pelaksanaan kontrak, permohonan kelulusan retrospektif berkaitan pengecualian tatacara perolehan, pelantikan perunding dan pelantikan kontraktor yang tidak berdaftar dengan UPKJ serta penilaian prestasi kontraktor.

- 2.3. Komponen-komponen ini mencerminkan bidang kritikal dalam tadbir urus kewangan yang memerlukan pemantauan berterusan bagi menyokong pengurusan kewangan yang cekap, berintegriti dan berakauntabiliti.
- 2.4. Sehubungan itu, FinPEC diperkenalkan sebagai satu pendekatan bersepadu yang menggantikan sepenuhnya kaedah pemantauan pematuhan kewangan secara manual, termasuk penggunaan *Financial Management Compliance Index (KPI F2M2) Scorecard State Civil Service*.

3.0 SKOP PELAKSANAAN DAN AGENSI TERLIBAT

- 3.1. Pelaksanaan Sistem FinPEC adalah terpakai kepada semua Kementerian, Jabatan, Pejabat Residen termasuk Pejabat Daerah dan Pejabat Daerah Kecil seperti yang disenaraikan di **Lampiran 1**.
- 3.2. Setiap agensi yang disenaraikan hendaklah melaksanakan peranan masing-masing dalam Sistem FinPEC sama ada sebagai Pegawai Pengawal, Pusat Tanggungjawab (PTJ), Agensi Pelapor atau Entiti Sokongan Data, mengikut struktur organisasi masing-masing dan peruntukan di dalam Pekeliling ini.

- 3.3. Pelaksanaan Sistem FinPEC adalah melibatkan semua pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan data, pemantauan, pengesahan, validasi dan pelaporan prestasi pematuhan kewangan di peringkat Kementerian, Jabatan, Pejabat Residen serta agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan pelaksanaan dan pengoperasian Sistem FinPEC.
- 3.4. Pelaksanaan dan penggunaan Sistem FinPEC hendaklah berpandukan Manual Pengguna Sistem FinPEC yang sedang berkuat kuasa.
- 3.5. Analisis prestasi, visualisasi data dan pemantauan pematuhan hendaklah dilaksanakan melalui *FinPEC Analytics Dashboard* berpandukan Manual Pengguna *FinPEC Analytics Dashboard*.

4.0 AKSES SISTEM FinPEC

- 4.1. FinPEC terdiri daripada dua (2) komponen utama, iaitu Sistem FinPEC dan *FinPEC Analytics Dashboard*.
- 4.2. Sistem FinPEC boleh diakses melalui *EG Applications* dalam *Sarawak Civil Service Portal* atau melalui pautan <https://finpec.sarawak.gov.my> oleh pengguna yang telah diberikan kelulusan akses, tertakluk kepada peranan dan tahap kebenaran yang diluluskan.
- 4.3. *FinPEC Analytics Dashboard* boleh diakses melalui platform *Business Intelligence* Kerajaan Sarawak (BISS) di pautan <https://biss.sarawak.gov.my> oleh pengguna yang telah diberikan kelulusan akses.
- 4.4. Pengurusan akses pengguna Sistem FinPEC dilaksanakan secara bertingkat (*two-tier administration model*) seperti berikut:
 - a. Pentadbir Sistem Pusat, iaitu Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri (PSKN).
 - b. Pentadbir Sistem Agensi (*Chief Digital Officer/Assistant Chief Digital Officer*).

5.0 PENGURUSAN AKSES PENGGUNA SISTEM FinPEC

- 5.1. Permohonan dan pengemaskinian akses Sistem FinPEC bagi Pentadbir Sistem Agensi hendaklah menggunakan **Borang Permohonan/Pengemaskinian Akses Pentadbir Sistem Agensi Bagi Sistem *Financial Performance Efficiency and Compliance Index*** dan disahkan oleh Ketua Jabatan/Agensi seperti di **Lampiran 2** dan dikemukakan untuk kelulusan oleh Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri (PSKN) untuk pengaktifan akses Pentadbir Sistem Agensi oleh Pentadbir Sistem Pusat.
- 5.2. Pentadbir Sistem Agensi mengurus akses pengguna di peringkat agensi masing-masing menggunakan **Borang Permohonan/Pengemaskinian Akses Pengguna bagi Sistem *Financial Performance Efficiency And Compliance Index Peringkat Agensi*** seperti di **Lampiran 3**, selaras dengan peranan dan tahap kebenaran yang ditetapkan.
- 5.3. **Lampiran 3** hendaklah disimpan oleh agensi masing-masing bagi tujuan pemantauan dan audit, dan tidak perlu dikemukakan kepada PSKN.
- 5.4. Permohonan dan pengemaskinian akses *FinPEC Analytics Dashboard* bagi Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan dan Sekretariat SCS *Scorecard* hendaklah menggunakan **Borang Permohonan/Pengemaskinian Akses Pengguna Bagi *FinPEC Analytics Dashboard*** seperti di **Lampiran 4** dan dikemukakan kepada **Unit Digitalisasi Perkhidmatan Awam Negeri, Jabatan Premier Sarawak** untuk kelulusan serta pengaktifan *Access Power BI* dan disalinkan kepada Unit Pematuhan Kewangan, PSKN.

6.0 KATEGORI DALAM FinPEC ANALYTICS DASHBOARD

Kategori pemantauan dalam *FinPEC Analytics Dashboard* adalah seperti berikut:

6.1. Kategori 1: Pematuhan Kewangan

Kategori ini menilai tahap pematuhan pengurusan kewangan berdasarkan perspektif utama pengurusan kewangan Kerajaan Sarawak, iaitu:

- i. Perspektif Akaun;
- ii. Perspektif Belanjawan;
- iii. Perspektif Aset; dan
- iv. Perspektif Perolehan.

Kod dan tajuk indeks pematuhan di bawah setiap perspektif adalah seperti yang diperincikan dalam **Lampiran 5**.

6.2. Kategori 2: Isu Audit Negeri

Kategori ini memantau status, perkembangan dan tindakan terhadap isu audit yang dilaporkan melalui laporan dan platform audit yang berkaitan, merangkumi:

- i. Laporan Inspektorat Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak;
- ii. Laporan Unit Audit Dalam, Jabatan Premier Sarawak; dan
- iii. *Auditor's General Dashboard* (melalui pautan rasmi yang ditetapkan oleh Jabatan Audit Negara).

6.3. Kategori 3: Pematuhan terhadap Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Perolehan (JPKP)

Kategori ini menilai tahap pematuhan agensi terhadap keperluan penubuhan, pelaksanaan dan pelaporan Mesyuarat JPKP, termasuk kekerapan mesyuarat, penyediaan minit mesyuarat, tindakan susulan terhadap keputusan mesyuarat serta kelulusan oleh Pegawai Pengawal, selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa.

7.0 STRUKTUR PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN SISTEM FinPEC

Peranan dan tanggungjawab pengguna adalah seperti berikut:

7.1. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

7.1.1 Pentadbir Sistem Pusat (PSKN – CDO/ACDO)

Pentadbir Sistem Pusat ialah pegawai yang dilantik daripada kalangan CDO/ACDO di PSKN yang bertanggungjawab terhadap pengurusan teknikal dan pentadbiran akses Sistem FinPEC dan FinPEC *Analytics Dashboard* di peringkat Kerajaan Negeri.

Peranan:

- a. mengurus, meluluskan dan mengaktifkan pewujudan serta pengemaskinian akses Pentadbir Sistem Agensi;
- b. mengurus kawalan akses pengguna dan peranan (*roles*) dalam sistem;
- c. memastikan keselamatan akses, integriti data dan kawalan sistem dipatuhi;
- d. menyelenggara konfigurasi sistem berkaitan akses pengguna; dan
- e. memberikan sokongan teknikal berkaitan pengurusan akses dan penggunaan sistem.

Nota:

Peranan Pentadbir Sistem Pusat adalah terhad kepada fungsi teknikal dan tidak melibatkan pemantauan pematuhan atau pelaporan prestasi.

7.1.2 Unit Pematuhan Kewangan

Unit Pematuhan Kewangan bertanggungjawab sebagai penyelarar pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan Sistem FinPEC di peringkat Kerajaan Negeri.

Peranan:

- a. menyelarar pelaksanaan Sistem FinPEC di peringkat negeri;
- b. memantau status pelaporan, tahap pematuhan serta penggunaan sistem secara keseluruhan;
- c. menyediakan garis panduan, penjelasan dan rujukan berkaitan pelaksanaan FinPEC;
- d. menyelarar keperluan penambahbaikan sistem dengan pihak berkaitan;
- e. menyediakan sokongan pentadbiran sistem serta rujukan berkaitan pelaksanaan FinPEC; dan
- f. mengemukakan analisis serta laporan prestasi FinPEC kepada pihak pengurusan.

7.2. Pentadbir Sistem Agensi (CDO/ACDO Agensi)

Pentadbir Sistem Agensi ialah pegawai yang dilantik daripada kalangan CDO/ACDO di Kementerian, Jabatan, Pejabat Residen dan Pejabat Daerah/Pejabat Daerah Kecil yang bertanggungjawab

terhadap pengurusan akses pengguna di peringkat agensi masing-masing.

Peranan:

- a. Mengurus dan mengemaskini akses pengguna di peringkat agensi;
- b. Menyelaras pendaftaran, pengesahan dan penamatan akses pengguna;
- c. Memastikan pengguna diberikan akses yang bersesuaian mengikut peranan seperti diluluskan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan;
- d. Memastikan pematuhan kepada dasar keselamatan sistem dan kawalan akses
- e. Menyelenggara rekod pengurusan akses pengguna bagi tujuan pemantauan dan audit; dan
- f. Bertindak sebagai rujukan pertama bagi isu berkaitan akses sistem di peringkat agensi.

7.3. Pegawai Pengawal

Pegawai Pengawal bertanggungjawab memastikan pelaksanaan, pemantauan dan pengesahan pelaporan melalui Sistem FinPEC dan *FinPEC Analytics Dashboard* di peringkat agensi masing-masing.

Peranan:

- a. Memastikan pelaksanaan Sistem FinPEC di semua PTJ di bawah seliaan masing-masing;
- b. Menyemak dan mengesahkan ketepatan, kesahihan serta kelengkapan data sebelum pelaporan;
- c. Memantau tahap pematuhan dan mengambil tindakan susulan melalui Sistem FinPEC; dan
- d. Memastikan semua pelaporan dan pemantauan Mesyuarat JPKP dilaksanakan melalui Sistem FinPEC.

7.4. Pemilik Indeks/Pegawai Bertanggungjawab

Pemilik Indeks atau Pegawai Bertanggungjawab ialah pegawai yang dipertanggungjawabkan terhadap pengurusan, ketepatan dan kesahihan maklumat berkaitan indeks pematuhan di bawah bidang kuasa masing-masing.

Peranan:

- a. Menyediakan dan mengemaskini data, justifikasi serta maklumat sokongan bagi indeks pematuhan di bawah tanggungjawab masing-masing;
- b. Memastikan maklumat yang direkodkan adalah lengkap, tepat dan disokong dengan dokumen berkaitan; dan
- c. Menyediakan pelan tindakan pembetulan dan penambahbaikan serta mengambil tindakan pembetulan bagi indeks yang mencatat skor pematuhan di bawah tahap yang ditetapkan.

7.5. Pengguna Sistem

Pengguna Sistem ialah pegawai yang diberikan akses kepada Sistem FinPEC dan/atau *FinPEC Analytics Dashboard* untuk melaksanakan fungsi dan tanggungjawab masing-masing.

Peranan:

- a. Menggunakan Sistem FinPEC dan *FinPEC Analytics Dashboard* selaras dengan peranan yang diberikan;
- b. Merujuk dan mematuhi Manual Pengguna Sistem FinPEC dan Manual Pengguna *FinPEC Analytics Dashboard*; dan
- c. Memastikan kerahsiaan dan keselamatan maklumat yang diakses melalui sistem sentiasa terpelihara.

8.0 PROSES KERJA PELAKSANAAN FinPEC

- 8.1. Proses kerja pelaksanaan Sistem FinPEC adalah seperti yang diperincikan dalam **Lampiran 6**, merangkumi:
 - i. Pewujudan akses dan penugasan peranan;
 - ii. Pemantauan skor pematuhan;
 - iii. Penyediaan laporan dan pelaporan Mesyuarat JPKP;
 - iv. Kelulusan Pegawai Pengawal; dan
 - v. Pemantauan oleh PSKN dan Unit Audit Dalam.
- 8.2. Hanya laporan dan minit Mesyuarat JPKP yang berstatus "*Completed*" dianggap sah dan diambil kira sebagai pematuhan rasmi.
- 8.3. Sekiranya skor pematuhan bagi mana-mana indeks perspektif berada di bawah tahap yang ditetapkan (rujuk Seksyen 10.0), justifikasi ketidakpatuhan serta tindakan pembetulan hendaklah

direkodkan dalam Sistem FinPEC bagi tempoh pelaporan berkenaan.

9.0 INDEKS PEMATUHAN FinPEC


- 9.1. Indeks pematuhan FinPEC, termasuk penerangan, keperluan pelaksanaan oleh agensi, sumber data serta kaitannya dengan tadbir urus kewangan dan JPKP adalah seperti yang diperincikan dalam **Lampiran 5**.
- 9.2. Lampiran ini hendaklah dijadikan rujukan utama oleh agensi bagi memahami perkara yang dinilai serta tindakan yang perlu dilaksanakan untuk mencapai tahap pematuhan yang ditetapkan.
- 9.3. Sebagai penanda aras pematuhan kewangan, tahap pematuhan kewangan bagi setiap Kementerian, Jabatan dan Pejabat Residen hendaklah mencapai sekurang-kurangnya **90%**, berdasarkan purata skor indeks perspektif di bawah kategori pengurusan akaun, pengurusan belanjawan, pengurusan aset dan pengurusan perolehan sebagaimana ditentukan dalam Sistem FinPEC.

10.0 PENGUATKUASAAN

- 10.1. Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan:
 - i. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 20/2025: Penubuhan dan Pelaksanaan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Perolehan (Pindaan 2025) bertarikh 3 Disember 2025.
 - ii. Surat Pekeliling ICT Bilangan 1 Tahun 2025: Dasar Keselamatan Siber Kerajaan Sarawak bertarikh 11 Julai 2025.
 - iii. Surat Pekeliling ICT Bilangan 3 Tahun 2025: Penyeragaman Peranan dan Gelaran Ketua Pegawai Maklumat (CIO) kepada Ketua Pegawai Digital (CDO) serta Penolong Ketua Pegawai Maklumat (ACIO) kepada Penolong Ketua Pegawai Digital (ACDO) bertarikh 24 Oktober 2025.
- 10.2. Sebarang pengecualian daripada Surat Pekeliling ini adalah tidak dibenarkan melainkan dengan kelulusan terlebih dahulu daripada Setiausaha Kewangan Negeri.

10.3. Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



(DATO SRI DR. WAN LIZOZMAN BIN WAN OMAR)
Setiausaha Kewangan Negeri
Sarawak

s.k Setiausaha Kerajaan Sarawak
Akauntan Negeri Sarawak
Pengarah Unit Audit Dalam, Jabatan Premier Sarawak
Pengarah Unit Integriti dan Ombudsman Sarawak, Jabatan Premier Sarawak

Disediakan oleh : Bahagian Pematuhan Kewangan dan Pengurusan Aset
Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1

Senarai Kementerian, Jabatan dan Pejabat Residen serta Status dalam Pelaksanaan Sistem FinPEC

Lampiran 2

Borang Permohonan/Pengemaskinian Akses Pentadbir Sistem Agensi bagi Sistem *Financial Performance Efficiency and Compliance Index*

Lampiran 3

Borang Permohonan/Pengemaskinian Akses Pengguna bagi Sistem *Financial Performance Efficiency and Compliance Index* Peringkat Agensi

Lampiran 4

Borang Permohonan/Pengemaskinian Access Power BI Bagi Pengguna FinPEC *Analytics Dashboard*

Lampiran 5

Indeks Pematuhan *Financial Performance Efficiency and Compliance Index* (FinPEC) bagi Kategori 1 *Financial Compliance*

Lampiran 6

Proses Kerja Pelaksanaan Sistem *Financial Performance Efficiency and Compliance Index* (FinPEC)

Senarai Agihan:

KEMENTERIAN:

1. Setiausaha Tetap
Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak
2. Setiausaha Tetap
Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar
3. Setiausaha Tetap
Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak
4. Setiausaha Tetap
Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
5. Setiausaha Tetap
Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak
6. Setiausaha Tetap
Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak
7. Setiausaha Tetap
Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak
8. Setiausaha Tetap
Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti
9. Setiausaha Tetap
Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat
10. Setiausaha Tetap
Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak
11. Setiausaha Tetap
Kementerian Pengangkutan Sarawak
12. Setiausaha Tetap
Kementerian Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar Sarawak

UNIT DI JABATAN PREMIER SARAWAK:

1. Pengarah
Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
2. Pengarah
Unit Perancang Ekonomi Sarawak
3. Pengarah
Unit Pentadbiran
4. Pengarah
Unit Protokol, Istiadat dan Pengurusan Acara Sarawak
5. Pengarah
Unit Pemantauan Pelaksanaan Sarawak
6. Pengarah
Unit Audit Dalam
7. Pengarah
Unit Transformasi dan Inovasi Sarawak
8. Pengarah
Unit Digitalisasi Perkhidmatan Awam
9. Pengarah
Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak
10. Pengarah
Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain
11. Pengarah
Unit Integriti Dan Ombudsman Sarawak
12. Pengarah
Unit Komunikasi Awam Sarawak
13. Pengarah
Unit Pengurusan Imigresen & Buruh
14. Setiausaha
Majlis Islam Sarawak
15. Setiausaha Majlis
Majlis Adat Istiadat Sarawak
16. Ketua Pendaftar
Mahkamah Bumiputera Sarawak
17. Pegawai Perhubungan Sarawak
Rumah Sarawak Kuala Lumpur

JABATAN:

1. Peguam Besar Negeri
Jabatan Peguam Besar Negeri
2. Akauntan Sarawak
Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak
3. Pengarah
Jabatan Tanah dan Survei Sarawak
4. Pengarah
Jabatan Hutan Sarawak
5. Pengarah
Jabatan Kerja Raya Sarawak
6. Pengarah
Jabatan Pertanian Sarawak
7. Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sarawak
8. Pengarah
Jabatan Mufti Sarawak
9. Pengarah
Jabatan Agama Islam Sarawak
10. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak
11. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Pembedungan Sarawak
12. Pengarah
Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak
13. Pengarah
Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak
14. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak
15. Pengarah
Jabatan Muzium Negeri Sarawak
16. Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak
17. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak
18. Setiausaha
Dewan Undangan Negeri Sarawak

PEJABAT RESIDEN:

1. Residen
Bahagian Kuching
2. Residen
Bahagian Sri Aman
3. Residen
Bahagian Sibu
4. Residen
Bahagian Miri
5. Residen
Bahagian Limbang
6. Residen
Bahagian Sarikei
7. Residen
Bahagian Kapit
8. Residen
Bahagian Kota Samarahan
9. Residen
Bahagian Bintulu
10. Residen
Bahagian Mukah
11. Residen
Bahagian Betong
12. Residen
Bahagian Serian

PEJABAT DAERAH:

1. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Kuching
2. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Lundu
3. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Bau
4. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Sri Aman
5. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Pantu
6. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Lingga
7. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Lubok Antu
8. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Sibu
9. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Kanowit
10. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Selangau
11. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Miri
12. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Sibuti
13. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Marudi
14. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Beluru
15. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Telang Usan
16. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Subis
17. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Limbang
18. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Lawas
19. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Sarikei

PEJABAT DAERAH:

20. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Meradong
21. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Julau
22. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Pakan
23. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Kapit
24. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Belaga
25. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Song
26. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Siburan
27. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Bukit Mabong (Tunoh)
28. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Samarahan
29. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Simunjan
30. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Sebuyau
31. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Asajaya
32. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Gedong
33. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Bintulu
34. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Sebauh
35. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Tatau
36. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Mukah
37. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Tanjung Manis
38. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Dalat

PEJABAT DAERAH:

39. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Betong
40. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Pusa
41. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Saratok
42. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Kabong
43. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Serian
44. Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Tebedu

PEJABAT DAERAH KECIL:

1. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Sematan
2. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Padawan
3. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Engkelili
4. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Niah
5. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Tinjar
6. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Mulu
7. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Long Bedian
8. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Bario
9. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Nanga Medamit
10. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Sundar
11. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Trusan
12. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Sadong Jaya
13. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Oya
14. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Balingian
15. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Igan
16. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Maludam

PEJABAT DAERAH KECIL:

17. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Roban
18. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Spaoh
19. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Debak
20. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Nanga Budu
21. Pegawai Tadbir
Pejabat Daerah Kecil Balai Ringin

Lampiran 1

SENARAI KEMENTERIAN, JABATAN DAN PEJABAT RESIDEN SERTA STATUS DALAM PELAKSANAAN SISTEM FinPEC

Kementerian Dan Jabatan

BIL.	KEMENTERIAN	JABATAN
1	Kementerian Kewangan dan Ekonomi Baru (10100001)	Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (20500001)
		Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, Bahagian Belanjawan (20500226)
		Unit Pendaftaran Kontraktor & Juruperunding (UPKJ) (20501073)
		Unit Pembangunan Usahawan (UPKP) (20501208)
2	Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak- Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) (11000001)	Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (22000001)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak (21700001)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Kuching (21701001)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Sri Aman (21702008)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Sibu (21703023)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Miri (21704032)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Limbang (21705043)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Sarikei (21706048)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Kapit (21707059)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Kota Samarahan (21708062)
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Bintulu (21709069)		
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Mukah (21710025)		
3	Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD) (10400001)	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (22200001)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kuching (22201001)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sri Aman (22202008)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sibu (22203023)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Miri (22204032)

Lampiran 1

BIL.	KEMENTERIAN	JABATAN
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Limbang (22205043)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Lawas (22205044)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarikei (22206048)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Samarahan (22208062)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Bintulu (22209069)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Mukah (22210025)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Betong (22211010)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Serian (22212063)
		Makmal Diagnosa Veterinar Kuching (22200213)
		Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian Sarawak (21200001)
		Stesen Perikanan Darat Tarat (21200133)
		Pejabat Pertanian Bahagian Kuching (21201001)
		Pejabat Pertanian Bahagian Bau (21201002)
		Pejabat Pertanian Bahagian Lundu (21201003)
		Institut Pertanian Sarawak (21201119)
		Pejabat Bahagian Pengurusan Tanah (21201120)
		Pejabat Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Tanaman (21201121)
		Stesen Perikanan Darat Semariang (21201122)
		Stesen Perikanan Darat Semenggok (21201124)
		Stesen Perikanan Darat Sematan (21201125)
		Cawangan Regulatori, Biosekuriti dan Penguatkuasaan (21201238)
		Pejabat Pertanian Bahagian Sri Aman (21202008)

Lampiran 1

SENARAI KEMENTERIAN, JABATAN DAN PEJABAT RESIDEN SERTA STATUS DALAM PELAKSANAAN SISTEM FinPEC

Kementerian Dan Jabatan

BIL.	KEMENTERIAN	JABATAN
1	Kementerian Kewangan dan Ekonomi Baru (10100001)	Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (20500001)
		Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, Bahagian Belanjawan (20500226)
		Unit Pendaftaran Kontraktor & Juruperunding (UPKJ) (20501073)
		Unit Pembangunan Usahawan (UPKP) (20501208)
2	Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak- Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) (11000001)	Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (22000001)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak (21700001)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Kuching (21701001)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Sri Aman (21702008)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Sibul (21703023)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Miri (21704032)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Limbang (21705043)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Sarikei (21706048)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Kapit (21707059)
		Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Kota Samarahan (21708062)
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Bintulu (21709069)		
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Bahagian Mukah (21710025)		
3	Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD) (10400001)	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (22200001)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kuching (22201001)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sri Aman (22202008)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sibul (22203023)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Miri (22204032)

Lampiran 1

BIL.	KEMENTERIAN	JABATAN
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Limbang (22205043)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Lawas (22205044)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarikei (22206048)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Samarahan (22208062)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Bintulu (22209069)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Mukah (22210025)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Betong (22211010)
		Jabatan Perkhidmatan Veterinar Serian (22212063)
		Makmal Diagnosa Veterinar Kuching (22200213)
		Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian Sarawak (21200001)
		Stesen Perikanan Darat Tarat (21200133)
		Pejabat Pertanian Bahagian Kuching (21201001)
		Pejabat Pertanian Bahagian Bau (21201002)
		Pejabat Pertanian Bahagian Lundu (21201003)
		Institut Pertanian Sarawak (21201119)
		Pejabat Bahagian Pengurusan Tanah (21201120)
		Pejabat Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Tanaman (21201121)
		Stesen Perikanan Darat Semariang (21201122)
		Stesen Perikanan Darat Semenggok (21201124)
		Stesen Perikanan Darat Sematan (21201125)
		Cawangan Regulatori, Biosekuriti dan Penguatkuasaan (21201238)
		Pejabat Pertanian Bahagian Sri Aman (21202008)

Lampiran 1

BIL.	KEMENTERIAN	JABATAN
		Pejabat Pertanian Daerah Sri Aman (21202012)
		Pejabat Pertanian Daerah Pantu (21202016)
		Pejabat Pertanian Daerah Engkilili (21202022)
		Pejabat Pertanian Bahagian Sibul (21203023)
		Pejabat Pertanian Daerah Kanowit (21203024)
		Pejabat Pertanian Daerah Dalat(21203026)
		Pejabat Pertanian Daerah Selangau (21203027)
		Pejabat Pertanian Bahagian Miri (21204032)
		Pejabat Pertanian Daerah Marudi (21204033)
		Pusat Penyelidikan Pertanian Wilayah Utara (21204041)
		Pejabat Pertanian Daerah Miri (21204214)
		Pejabat Pertanian Bahagian Limbang (21205043)
		Pejabat Pertanian Bahagian Lawas (21205044)
		Pejabat Pertanian Bahagian Sarikei (21206048)
		Pejabat Pertanian Daerah Meradong (21206051)
		Pejabat Pertanian Daerah Julau (21206052)
		Pejabat Pertanian Daerah Daro (21206053)
		Pejabat Pertanian Daerah Matu (21206054)
		Pejabat Pertanian Daerah Sarikei (21206216)
		Pejabat Pertanian Bahagian Kapit (21207059)
		Pejabat Pertanian Daerah Song (21207060)

Lampiran 1

BIL.	KEMENTERIAN	JABATAN
		Pejabat Pertanian Daerah Belaga (21207061) Pejabat Pertanian Daerah Kapit (21207142) Pejabat Pertanian Daerah Mabong (21207217) Pejabat Pertanian Bahagian Kota Samarahan (21208062) Pejabat Pertanian Daerah Simunjan (21208064) Pejabat Pertanian Bahagian Bintulu (21209069) Pejabat Pertanian Daerah Tatau (21209070) Pejabat Pertanian Bahagian Mukah (21210025) Pejabat Pertanian Daerah Saratok (21211009) Pejabat Pertanian Bahagian Betong (21211010) Pejabat Pertanian Daerah Betong (21211236) Pejabat Pertanian Daerah Siburan (21212006) Pejabat Pertanian Bahagian Serian (21212063)
4	Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (MPHLG) (10600001)	Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak (21300148) Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Kuching (21301001) Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Sri Aman (21302008) Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Sibuan (21303023) Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Miri (21304032) Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Limbang (21305043) Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Sarikei (21306048) Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Kapit (21307059) Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Samarahan (21308062)

Lampiran 1

BIL.	KEMENTERIAN	JABATAN
		Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Bintulu (21309069) Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Mukah (21310025) Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Betong (21311010) Jabatan Pengairan dan Saliran Bahagian Serian (21312063)
		Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sarawak (21800001)
5	Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar (MUDENR) (10300001)	Ibu Pejabat, Jabatan Hutan Sarawak (21000001) Jabatan Hutan Bahagian Kuching (21001107) Jabatan Hutan Bahagian Sri Aman (21002008) Jabatan Hutan Bahagian Sibu (21003023) Jabatan Hutan Bahagian Miri (21004032) Jabatan Hutan Bahagian Limbang (21005043) Jabatan Hutan Bahagian Sarikei (21006048) Jabatan Hutan Bahagian Kapit (21007059) Jabatan Hutan Bahagian Bintulu (21009069) Jabatan Hutan Bahagian Kuching (Utilisation) (21001106)
		Jabatan Tanah dan Survei Sarawak (21100001) Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Kuching (21101001) Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Sri Aman (21102008) Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Sibu (21103023) Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Miri (21104032) Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Limbang (21105043) Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Sarikei (21106048) Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Kapit (21107059) Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Samarahan (21108062)

Lampiran 1

BIL.	KEMENTERIAN	JABATAN
		Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Bintulu (21109069) Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Mukah (21110025) Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Betong (21111010) Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Serian (21112063)
6	Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak (MIPD) (10200001)	Jabatan Kerja Raya Sarawak (20900094) Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching (20901001) Jabatan Kerja Raya Bahagian Sri Aman (20902008) Jabatan Kerja Raya Bahagian Sibu (20903023) Jabatan Kerja Raya Bahagian Miri (20904032) Jabatan Kerja Raya Bahagian Limbang (20905043) Jabatan Kerja Raya Bahagian Sarikei (20906048) Jabatan Kerja Raya Bahagian Kapit (20907059) Jabatan Kerja Raya Bahagian Samarahan (20908062) Jabatan Kerja Raya Bahagian Bintulu (20909069) Jabatan Kerja Raya Bahagian Mukah (20910025) Jabatan Kerja Raya Bahagian Betong (20911010) Jabatan Kerja Raya Bahagian Serian (20908063)
7	Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak (MTCP) (10800001)	Jabatan Muzium Negeri Sarawak (21400001)

Lampiran 1

BIL.	KEMENTERIAN	JABATAN
8	Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak (MUT) (10900001)	Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (22100001) Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Kuching (22101001) Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Sri Aman (22102008) Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Sibu (22103023) Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Miri (22104032) Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Limbang (22105043) Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Kapit (22107059) Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Sarikei (22106048) Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Samarahan (22108062) Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Bintulu (22109069) Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Mukah (22110025) Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Betong (22111010) Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Bahagian Serian (22112063)
9	Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (MEITD) (11200001)	-
10	Kementerian Belia, Sukan Dan Pembangunan Usahawan Sarawak(MYSED) (11300001)	Pejabat Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Bahagian Kuching (11301150) Dewan Suarah Bau (11301151) Pejabat Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Bahagian Sri Aman (11302159) Pejabat Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Bahagian Sibu (11303160) Pejabat Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Bahagian Miri (11304163) Dewan Suarah Baram (11304164)

Lampiran 1

BIL.	KEMENTERIAN	JABATAN
		Pejabat Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Bahagian Limbang (11305165) Pejabat Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Bahagian Sarikei (11306166) Pejabat Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Bahagian Kapit (11307167) Pejabat Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Bahagian Samarahan (11308168) Pejabat Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Bahagian Bintulu (11309093) Pejabat Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Bahagian Mukah (11310161) Pejabat Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Bahagian Betong (11311010) Kem Belia Pueh (11301152) Kem Belia Kemuyang (11301152) Kem Belia Mukah (11310221)
11	Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak (MINTRED) (10700001)	-
12	Kementerian Pengangkutan Sarawak (MOT) (11400001)	-
13	Kementerian Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar Sarawak (MEESTY) (11500001)	-

Pejabat Residen Dan Pejabat Daerah

BIL.	PEJABAT RESIDEN	PEJABAT DAERAH
1	Pejabat Residen Bahagian Kuching (30100001)	Pejabat Daerah Kuching (30101001)
		Pejabat Daerah Bau (30101002)
		Pejabat Daerah Lundu (30101003)
		Pejabat Daerah Kecil Sematan (30101004)
		Pejabat Daerah Kecil Padawan (30101007)
2	Pejabat Residen Bahagian Sri Aman (30200008)	Pejabat Daerah Sri Aman (30202008)
		Pejabat Daerah Lubok Antu (30202011)
		Pejabat Daerah Lingga (30202014)
		Pejabat Daerah Pantu (30202016)
		Pejabat Daerah Kecil Engkelili (30202022)
3	Pejabat Residen Bahagian Sibü (30300023)	Pejabat Daerah Sibü (30303023)
		Pejabat Daerah Kanowit (30303024)
		Pejabat Daerah Selangau (30303027)
4	Pejabat Residen Bahagian Miri (30400032)	Pejabat Daerah Miri (30404032)
		Pejabat Daerah Marudi (30404033)
		Pejabat Daerah Subis (30404250)
		Pejabat Daerah Beluru (30404036)
		Pejabat Daerah Kecil Niah (30404037)

Lampiran 1

BIL.	PEJABAT RESIDEN	PEJABAT DAERAH
		Pejabat Daerah Kecil Bario (30404244)
		Pejabat Daerah Kecil Tinjar (30404245)
		Pejabat Daerah Kecil Mulu (30404246)
		Pejabat Daerah Kecil Long Bedian (30404247)
		Pejabat Daerah Telang Usan (30404249)
5	Pejabat Residen Bahagian Limbang (30500043)	Pejabat Daerah Limbang (30505043)
		Pejabat Daerah Lawas (30505044)
		Pejabat Daerah Kecil Sundar (30505045)
		Pejabat Daerah Kecil Nanga Medamit (30505046)
		Pejabat Daerah Kecil Trusan (30505047)
6	Pejabat Residen Bahagian Sarikei (30600048)	Pejabat Daerah Sarikei (30606048)
		Pejabat Daerah Meradong (30606051)
		Pejabat Daerah Julau (30606052)
		Pejabat Daerah Pakan (30606056)
7	Pejabat Residen Bahagian Bintulu (30900069)	Pejabat Daerah Bintulu (30909069)
		Pejabat Daerah Tatau (30909070)
		Pejabat Daerah Sebauh (30909071)

Lampiran 1

BIL.	PEJABAT RESIDEN	PEJABAT DAERAH
8	Pejabat Residen Bahagian Kapit (30700059)	Pejabat Daerah Kapit (30707059)
		Pejabat Daerah Song (30707060)
		Pejabat Daerah Belaga (30707061)
		Pejabat Daerah Bukit Mabong (30707251)
9	Pejabat Residen Bahagian Samarahan (30800062)	Pejabat Daerah Samarahan (30808062)
		Pejabat Daerah Asajaya (30808066)
		Pejabat Daerah Simunjan (30808064)
		Pejabat Daerah Sebuyau (30808067)
		Pejabat Daerah Gedong (30808274)
		Pejabat Daerah Kecil Sadong Jaya (30808068)
10	Pejabat Residen Bahagian Mukah (31000025)	Pejabat Daerah Mukah (31010025)
		Pejabat Daerah Dalat (31010026)
		Pejabat Daerah Kecil Oya (31010028)
		Pejabat Daerah Kecil Balingian (31010029)
		Pejabat Daerah Daro (31010053)
		Pejabat Daerah Matu (31010054)
		Pejabat Daerah Kecil Igan (31010277)
		Pejabat Daerah Tanjung Manis (31010055)

Lampiran 1

BIL.	PEJABAT RESIDEN	PEJABAT DAERAH
11	Pejabat Residen Bahagian Betong (31100010)	Pejabat Daerah Betong (31111010)
		Pejabat Daerah Saratok (31111009)
		Pejabat Daerah Kecil Maludam (31111015)
		Pejabat Daerah Kabong (31111017)
		Pejabat Daerah Kecil Roban (31111018)
		Pejabat Daerah Kecil Spaoh (31111019)
		Pejabat Daerah Kecil Debak (31111020)
		Pejabat Daerah Pusa (31111021)
		Pejabat Daerah Kecil Nanga Budu (31111232)
12	Pejabat Residen Bahagian Serian (31200063)	Pejabat Daerah Serian (31212063)
		Pejabat Daerah Tebedu (31212065)
		Pejabat Daerah Kecil Balai Ringin (31212275)
		Pejabat Daerah Siburan (31212006)

Lampiran 1

Jabatan Tidak Di Bawah Seliaan Kementerian

BIL.	NAMA JABATAN	NAMA AGENSI DIBAWAHNYA
1	Dewan Undangan Negeri Sarawak (20200001)	-
2	Jabatan Agama Islam Sarawak (21500001)	Pejabat Agama Islam Bahagian Kuching (21501001)
		Pejabat Agama Islam Bahagian Samarahan (21508062)
		Pejabat Agama Islam Bahagian Serian (21512063)
		Pejabat Agama Islam Bahagian Sri Aman (21502008)
		Pejabat Agama Islam Bahagian Betong (21511010)
		Pejabat Agama Islam Bahagian Sibul (21503023)
		Pejabat Agama Islam Bahagian Sarikei (21506048)
		Pejabat Agama Islam Bahagian Kapit (21507059)
		Pejabat Agama Islam Bahagian Mukah (21510025)
		Pejabat Agama Islam Bahagian Miri (21504032)
		Pejabat Agama Islam Bahagian Bintulu (21509069)
3	Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak (21600001)	JKSS Bahagian Kuching (21601001)
		JKSS Bahagian Samarahan (21608062)
		JKSS Bahagian Sri Aman (21602008)
		JKSS Bahagian Betong (21611010)
		JKSS Bahagian Sibul (21603023)
		JKSS Bahagian Sarikei (21606048)
		JKSS Bahagian Kapit (21607059)

Lampiran 1

BIL.	NAMA JABATAN	NAMA AGENSI DIBAWAHNYA
		JKSS Bahagian Mukah (21610025)
		JKSS Bahagian Miri (21604032)
		JKSS Bahagian Bintulu (21609069)
		JKSS Bahagian Limbang (21605043)
